



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Tel: +604 6575500
Faks: +604 6582500 Web :
<http://www.jpnpenang.edu.my>

Ruj. Kami : JPNPP.800-1/6/1 (67)
Tarikh : 29 November 2024

**Semua
Guru Besar SK, SJKC dan SJKT
Negeri Pulau Pinang**

Tuan,

**PEMAKLUMAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU
PROGRAM ASRAMA MALAYSIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SESI 2025/ 2026**

Dengan hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan murid Tingkatan satu ke Program Asrama Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia sesi 2025/ 2026 akan dibuka kepada semua murid tahun Enam sesi 2024/ 2025 yang bersekolah disekolah rendah (SK/ SJKC/ SJKT) di seluruh negara.

3. Bersama-sama ini disertakan surat dari Kementerian Pendidikan Malaysia dengan no rujukan KPM.600-17/1/59(56) bertarikh 14 November 2024 sebagai rujukan dan panduan pihak tuan.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih

Sekian dimaklumkan,


**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN DIGITAL"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HUSAINI BIN ABDULLAH)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Prasekolah dan Rendah
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH RENDAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Rujukan Kami: KPM.600-17/1/59 (56)
Tarikh: 14 November 2024

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri/ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU PROGRAM
ASRAMA MALAYSIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SESI 2025/ 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan murid Tingkatan Satu ke Program Asrama Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia Sesi 2025/ 2026 akan dibuka kepada semua murid Tahun Enam Sesi 2024/ 2025 yang bersekolah di sekolah rendah (SK/ SJKC/ SJKT) di seluruh negara.
- Murid-murid yang memohon ke Program Asrama Malaysia boleh membuat pilihan untuk ditempatkan di sekolah-sekolah berikut:

BIL	ASRAMA MALAYSIA	NAMA SEKOLAH	JANTINA
3.1	Kuala Lumpur	Victoria Institution, Kuala Lumpur	Lelaki Sahaja
3.2	Johor	SMK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor	Perempuan Sahaja
3.3	Sabah	Maktab Sabah, Kota Kinabalu, Sabah	Lelaki & Perempuan
3.4	Sarawak	Kolej Tun Datu Tuanku Hj Bujang, Sarawak	Lelaki & Perempuan

- Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah rendah di bawah pentadbiran jabatan pendidikan negeri masing-masing. Permohonan ke Program Asrama Malaysia dibuka bermula 19 November 2024. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti dinyatakan dalam Borang Permohonan Asrama Malaysia pada atau sebelum 31 Disember 2024.

...2/-

KPM.600-17/1/59 (56)

5. Bersama-sama ini disertakan Borang Permohonan Kemasukan Program Asrama Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia Sesi 2025/ 2026 dan Panduan permohonan Kemasukan ke Program Asrama Malaysia Sesi 2025/2026 untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Tuan/Puan. Borang tersebut juga boleh dimuat turun dengan mengimbas QR Code yang dilampirkan.

5. Pegawai kami, **Cik Siti Hajar binti Ab Rahman**, Penolong Pengarah Unit Pengurusan Asrama Harian, Sektor Pengurusan Hal Ehwal Murid, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian sedia dihubungi di talian **03-88849528** atau melalui e-mel **hajar.abrahman@moe.gov.my** untuk maklumat lanjut.


Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,




(OMAR BIN MAHLI)

b.p. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Borang Permohonan Kemasukan Program Asrama Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia Sesi 2025/ 2026 dan
Panduan Permohonan Kemasukan ke Program Asrama Malaysia Sesi 2025/2026**



D. MAKLUMAT TANGGUNGAN

1. Bilangan Tanggungan (Bilangan anak-anak yang masih bersekolah termasuk isteri) : Orang
2. Maklumat Tanggungan :

BIL	NAMA	UMUR	HUBUNGAN	SEKOLAH / INSTITUSI	Tingkatan / Tahun

*Sila guna lampiran sekiranya ruang tidak menukupi.

E. PERAKUAN *IBU/BAPA/PENJAGA **Potong mana yang tidak berkenaan*

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Sekiranya didapati wujud unsur penipuan dan maklumat palsu, saya akur dan bersetuju permohonan ini ditolak. Saya patuh kepada semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Tandatangan Pemohon : Tandatangan *Ibu/Bapa/Penjaga :

Nama : Nama :

Tarikh : Tarikh :

F. PENGESAHAN OLEH PENGETUA / GURU BESAR / PK

Pemohonan adalah **DISOKONG / TIDAK DISOKONG**. Saya bertanggungjawab penuh ke atas permohonan ini. Sekiranya terdapat ketidakakuratan maklumat, Kementerian Pendidikan Malaysia berhak membatalkan permohonan ini.

Tandatangan Pengetua / G. Besar / PK :

Cop Rasmi :

Tarikh :

** Sebarang pertanyaan sila berhubung AMal berkenaan.

Sila Hantar Permohonan ini ke :

** Borang permohonan hendaklah dihantar ke Asrama Malaysia pilihan pertama sahaja.

<p><u>Permohonan ke AMal Kuala Lumpur:</u></p> <p>ASRAMA MALAYSIA KUALA LUMPUR VICTORIA INSTITUTION Jalan Hang Tuah, 55200 Kuala Lumpur Tel: 03-2078 2489 / 03-2028 0064 E-mel : smkvtoria@gmail.com</p>	<p><u>Permohonan ke AMal Johor:</u></p> <p>ASRAMA MALAYSIA JOHOR SMK(P) SULTAN IBRAHIM (SIGS) Jalan Bendahara, 80100 Johor Bahru Johor Darul Takzim, Tel: 07-224 3060 / Fax: 07-224 0634 E-mel : jeb1005@moe.edu.my</p>
<p><u>Permohonan ke AMal Sabah:</u></p> <p>ASRAMA MALAYSIA SABAH MAKTAB SABAH Pati Surat 10548, 88800 Kota Kinabalu, Sabah Tel : 088-225 201 / Fax 088-216 414 E-mel : xee4088@moe.edu.my</p>	<p><u>Permohonan ke AMal Sarawak:</u></p> <p>ASRAMA MALAYSIA SARAWAK KOLEJ TUN DATU TUANKU HAJI BUJANG Jalan Bunga Tanjung 2, Tanjung Lobang, 08000 Miri, Sarawak. Tel : 086-411 795 / Fax 086-411 806 E-mel : yeb4101@moe.edu.my</p>

**PANDUAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM ASRAMA MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SESI 2025/ 2026**

1. Dasar Pengambilan Murid Asrama Malaysia

- i. Pengambilan Murid Asrama Malaysia terbuka kepada semua kaum dan etnik yang terdapat di Malaysia (Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain).
- ii. Permohonan Asrama Malaysia ke Tingkatan 1 terbuka kepada murid Tahun 6 Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 dari SK, SJKT dan SJKC di seluruh negara.
- iii. Jawatankuasa Pemilihan Murid Asrama Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan pemilihan murid. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

2. Syarat Permohonan

- i. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia sahaja.
- ii. Terbuka kepada semua kaum.
- iii. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berpotensi daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau sederhana.
- iv. Sekiranya murid keluar dari Program Asrama Malaysia (Keluar Asrama) pihak sekolah berhak mengambil tindakan mengeluarkan murid tersebut daripada sekolah Asrama Malaysia sekiranya saluran kemasukan adalah melalui tawaran ke Program Asrama Malaysia KPM.
- v. Setiap permohonan hendaklah disertakan SATU salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - a) Sijil lahir/Kad Pengenalan permohonan dan ibu bapa.
 - b) Keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) 2024 bagi permohonan ke Tingkatan 1.
 - c) Sijil-sijil Akademik, Kokurikulum dan sijil-sijil lain.
 - d) Slip Gaji/Penyata Pendapatan ibu bapa/penjaga, atau pengesahan oleh Pesuruhjaya Sumpah/Ketua Kampung/Penghulu sekiranya tiada slip gaji.
 - e) Dokumen sokongan untuk ibu atau bapa tunggal (jika berkaitan).
 - f) Dokumen sokongan hak penjagaan anak sekiranya ibu bapa bercerai (jika berkaitan).

***Peringatan: Permohonan tanpa perkara (a) dan (b) TIDAK AKAN DIPROSES.**

3. Proses Permohonan

- i. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Program Asrama Malaysia KPM dan menyediakan salinan dokumen yang diperlukan dengan lengkap dan telah disahkan.
- ii. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- iii. Pemohon perlu memilih sekolah daripada senarai sekolah yang ada untuk ditempatkan bagi mengikut program Asrama Malaysia.
- iv. Permohonan bagi murid semenanjung untuk mengikut Program Asrama Malaysia di Sabah atau Sarawak adalah digalakkan namun kos pengangkutan murid ke Sabah atau Sarawak adalah tanggungan sendiri.
- v. Pemohon perlu mendapatkan tandatangan Guru Besar atau pentadbir sekolah semasa pemohon untuk pengesahan sebelum menghantar borang permohonan.
- vi. Pentadbir perlu memastikan borang permohonan lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen yang telah disahkan.
- vii. Borang permohonan berserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Asrama Malaysia pilihan pertama sahaja.
- viii. Tarikh tutup penghantaran Borang Permohonan Program Asrama Malaysia KPM 2025/2026 bagi murid Tingkatan 1 adalah pada **31 Disember 2024**.

4. Proses Penempatan dan Rayuan

- i. Semua Permohonan ke Asrama Malaysia yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat tawaran Asrama Malaysia.
- ii. Semua pemohon yang berjaya perlu mengesahkan penerimaan kemasukan ke Asrama Malaysia dengan menghubungi sekolah yang ditawarkan seperti dalam surat tawaran.
- iii. Pemohon yang berjaya wajib melapor diri ke Asrama Malaysia yang ditetapkan pada tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Pemohon yang tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan akan dibatalkan tawaran penempatan ke sekolah yang dipilih.
- iv. Pemohon yang tidak dihubungi atau tidak menerima surat tawaran selepas **17 Februari 2025** dianggap tidak berjaya. Pemohon yang tidak berjaya boleh membuat rayuan dengan mengemukakan surat rayuan kepada Asrama Malaysia pilihan pertama.

